

23/01/2002

Rasional dampingi Melayu selepas DEB

Azhar Abu Samah

POLA pengundian di kalangan pengundi Melayu selepas pilihan raya umum 1999 menyerlahkan perlunya Umno berbuat sesuatu memperbaikinya kerana pengaruh parti itu mula tercabar.

Realiti itu menuntut Umno berfikir serius bagi mengenal pasti punca kelemahan hingga Umno kurang mendapat kepercayaan daripada bangsa sendiri, terutama di kalangan generasi muda.

Keputusan pilihan raya umum 1999 juga memperlihatkan penyebaran fitnah secara meluas oleh pembangkang, mampu menyerap pemikiran generasi muda selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB), sekali gus mendesak persepsi mereka diperbetulkan dan fikiran mereka dirasionalkan.

Benarkah pelaksanaan DEB yang diikuti Dasar Pembangunan Nasional (DPN) melahirkan generasi bangsa Melayu yang angkuh dan antikerajaan? Atau mungkin juga mereka melihat Umno sebagai satu bentuk 'status quo' yang mengamalkan pendekatan usang dan perlu kepada perubahan radikal?

Inilah persoalan yang perlu dirungkai dan ditangani Umno menjelang 2004 atau menghadapi musibah kuasa politik yang ada di tangan semakin terhakis. Bukan satu atau dua pemimpin negara mahu kumpulan masyarakat Melayu dan Bumiputera baru yang lahir selepas merdeka, terutama pada era pasca DEB, didekati dan dijadikan rakan dalam pembangunan negara.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ruangnya di akhbar Jepun, Mainichi Daily News yang disiarkan tahun lalu, menegaskan melalui DEB, bangsa Melayu mampu memiliki 20 peratus daripada kekayaan ekonomi negara, ratusan ribu berjaya mendapat ijazah dan ramai yang menguasai atau memiliki syarikat.

Mereka menjadi terlalu yakin terhadap kebolehan masing-masing dan dengan itu berasa tidak perlu berterima kasih kepada kerajaan yang memberi mereka peluang dan bantuan.

Malah, mereka tidak segan-silu mengkritik kerajaan sewenang-wenangnya, di samping menyokong tohmahan yang dilemparkan negara asing kononnya kerajaan mengamalkan rasuah, kronisme dan tidak telus.

Terbaru, Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada pelancaran Konvensyen Penerangan Umno Sabah 2002, baru-baru ini, mengulangi gesaan sama supaya golongan kumpulan masyarakat Melayu dan Bumiputera baru yang lahir selepas merdeka, terutama pada era pasca DEB didekati.

Ini kerana selain mempunyai taraf pendidikan tinggi, golongan itu adalah tenaga yang mempunyai pengaruh dari segi minda, pertuturan, perlakuan dan pekerjaan.

Mereka melihat Umno sebagai satu bentuk 'status quo', manakala pendekatan parti itu ditafsirkan sebagai usang dan memerlukan perubahan radikal. Ini kerana mereka dikatakan membesar dan dewasa dalam persekitaran sosiobudaya, politik dan ekonomi yang amat berbeza dengan kumpulan Melayu dan Bumiputera pra-merdeka dan pasca merdeka.

Selain itu, kelompok ini sebahagian besarnya tidak pernah berkhidmat dengan kerajaan bagi membolehkan mereka memahami dan mendampingi kerajaan.

Seperti kata Abdullah, mereka memilih untuk bersama gerakan pembangkang dan penentang kerajaan bukan kerana mereka berkongsi idealisme sama dengan pembangkang, tetapi mereka sekadar memiliki rasa pertentangan dan ketidaksetujuan dengan dasar dan pendekatan yang dilaksanakan kerajaan ketika ini.

Malah, katanya, golongan ini menafsirkan pendekatan pencegahan oleh

kerajaan sebagai satu tekanan kepada kebebasan bersuara tanpa batas. Idealisme ini memudahkan pembangkang memasang jerat, apatah lagi adakala suara dan tuntutan mereka berlegar sekitar isu abstrak dan berdasarkan hipotesis belum teruji.

Hakikatnya, pemimpin nombor dua negara itu mahu generasi muda Melayu selepas merdeka dibimbing, diberikan kefahaman, didampingi, dibawa berbincang dan dijadikan rakan untuk bersama membangunkan negara.

Sama ada mahu atau tidak, hakikatnya pemimpin Umno meletakkan generasi muda adalah faktor utama yang menentukan kelangsungan penerimaan masyarakat terhadap perjuangan Umno.

Ini kerana selain mewarisi negara ini, mereka adalah pewaris tanggungjawab untuk meneruskan survival bangsa Melayu.

Dari sudut yang lebih luas, fenomena penentangan generasi muda Melayu terhadap Umno adalah satu cabaran yang perlu difahami dan ditangani sebelum ia menjadi parah.

Ini kerana mereka yang dilahirkan selepas merdeka dan dewasa setelah DEB dilaksanakan tidak sepenuhnya dapat memahami, menyelami, mendalami dan menghayati denyut jantung serta denyut nadi bangsanya.

Inilah tugas sebenar yang menunggu barisan kepemimpinan Umno dari peringkat tertinggi hingga cawangan. Hakikatnya, tugas yang perlu dilakukan itu tidak semudah bidalan Melayu 'biduk lalu kiambang bertaut'.

Dalam hal ini, tugas dan fungsi Pemuda Umno lebih mustahak berbanding pihak lain kerana mereka lebih memahami aspirasi golongan muda. Bagaimanapun, dalam melangkah untuk merapatkan jurang generasi muda kepada Umno, mereka perlu persediaan rapi.

Pemuda berhadapan dengan generasi Melayu pasca-DEB yang kritis dan terbuka. Generasi hari ini terdedah dengan segala maklumat, budaya dan fahaman global dan sudah sinonim dengan kemajuan maklumat dan teknologi komunikasi (ICT).

Menurut Jeremy Rifkin dalam bukunya, *The Age of Access*, generasi hari ini mempunyai ciri-ciri kurang reflektif dan lebih spontan, lebih mementingkan imej berbanding perkataan, kurang analitikal tetapi lebih emotif, kurang berminat dengan sejarah dan mempunyai personaliti yang tidak konsisten.

Kelemahan inilah digunakan pembangkang di negara ini untuk memenuhi tujuan dan matlamat mereka.

Teori Rifkin ada benarnya apabila dengan mudah generasi muda Melayu di negara ini diheret di jalanan atas nama demokrasi dan reformasi. Anak muda ini kurang berfikir mengenai kesan perlakuan mereka, tetapi lebih puas apabila dibenarkan menjerit dan menjahanamkan harta awam. Pembangkang sudah pun mampu memperalatkan sifat spontan, kurang analitikal dan emosi generasi muda untuk mencapai matlamat mereka mahu menumbangkan kerajaan.

Ditambah lagi generasi hari ini yang tidak berminat dengan sejarah, mereka semakin mudah disogokkan dengan fakta rekaan berdasarkan pemikiran yang ada rasional.

Generasi ini, menurut pengarang, Arnold Toynbee, dalam bukunya *The Post-Modern Age* lebih mementingkan imej daripada perkataan. Ini bermakna generasi baru pasca-moden akan melihat imej luaran daripada memahami pengisian sebenar yang cuba disampaikan.

Inilah taktik yang diamalkan pembangkang dengan menjadikan sayap pemuda mereka sebagai model generasi muda.

Kita sudah melihat bagaimana kepemimpinan Pas menonjolkan diri sebagai pejuang rakyat, walaupun sebenarnya mereka hanya inginkan kuasa. Kelantan dan Terengganu adalah contoh jelas bagaimana imej dapat mengaburi perjuangan sebenar.

Keputusan pilihan raya umum ke-10 pada November 1999 mengesahkan kekhawatiran yang dihadapi oleh pemimpin Umno.

Jumlah undi yang diperoleh calon Barisan Nasional (BN) di kawasan yang penduduknya terdiri daripada pengundi bangsa Melayu kelas atasan dan menengah, merosot dengan banyaknya.

Pelbagai faktor dikatakan menjadi pendorong kepada perubahan sikap yang drastik itu. Dalam kebanyakan kes, hanya kerajaan dipersalahkan.

Paling dikesalkan, ada generasi baru Melayu dan kelompok pertengahan Melayu tidak mahu berterima kasih dengan kerajaan selepas menikmati semua kemudahan yang ada, selain diberikan keistimewaan dalam bidang tertentu atas nama Melayu kerana bagi mereka, itu adalah tugas kerajaan yang memerintah.

Walau apa pun halangan yang ada, Umno perlu mengambil pendekatan mendekati mereka yang dilahirkan selepas merdeka kerana bukan semua yang membenci kerajaan, sebaliknya mereka mendapat maklumat salah atau sengaja diputarbelitkan oleh pihak tertentu, lebih-lebih lagi mereka yang tidak memahami sejarah perjuangan bangsa sendiri, khususnya penubuhan Umno.

(END)